



PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

EAIC SAMBUT BAIK PENDAKWAAN OLEH JABATAN PEGUAM NEGARA KE ATAS ANGGOTA POLIS BERHUBUNG KEMATIAN SYED MOHD AZLAN BIN SYED MOHAMED NUR SEMASA DALAM TAHANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

Putrajaya 18 Ogos 2016 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) menyambut baik pendakwaan jenayah oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) terhadap tiga anggota polis yang terlibat dalam kes kematian Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur (si mati) semasa dalam tahanan PDRM Kota Tinggi, Johor pada 3 November 2014. Ketiga-tiga anggota tersebut telah dituduh di bawah seksyen 304(b) Kanun Keseksan dan kes tersebut telah dipanggil di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi pada 16 Ogos 2016 dan disambung bicara pada 17 Ogos 2016. Bagi pertuduhan ini, jika disabitkan kesalahan, ketiga-tiga anggota tersebut boleh dijatuhkan hukuman penjara hingga 10 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Terdahulu pada 30 Oktober 2015 EAIC telah mengumumkan dapatan (*findings*) siasatannya ke atas kematian Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur semasa dalam tahanan PDRM. EAIC mendapati kematian si mati mempunyai kaitan dengan penggunaan kekerasan secara fizikal oleh pihak polis yang menjalankan tangkapan dan soal siasat ke atas si mati. Sehubungan dengan itu, selaras dengan peruntukan seksyen 30(1)(c) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: www.eaic.gov.my

Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], EAIC telah mengesyorkan kepada Pendakwa Raya (Peguam Negara) bagi pendakwaan jenayah dibawa terhadap pegawai dan anggota PDRM yang didapati telah melakukan salah laku bersifat kesalahan jenayah seperti yang dikenalpasti di dalam laporan penuh siasatan ini.

Sehubungan ini juga EAIC turut mengalu-alukan Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) PDRM untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai dan anggota-anggota yang telah dikenalpasti di dalam laporan penuh EAIC yang didapati telah melakukan salah laku seperti mana skop salah laku yang diberikan di bawah seksyen 24 Akta 700.

Untuk mendapatkan butiran lanjut kandungan laporan siasatan ini orang awam boleh mengakses laman sesawang EAIC di www.eaic.gov.my.

-TAMAT-

DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM

Pengerusi

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

18 Ogos 2016